

07/10/2002

Seminar dua hari ubah perspektif

Mohd Yusof Sulaiman

SOAL sama ada Malaysia sebagai negara Islam atau sebaliknya bukan lagi isu yang perlu dipertikaikan. Malah ia bukanlah satu polemik yang boleh dijadikan modal politik mana-mana pihak, apatah lagi menjadikannya bahan untuk memecah-belahkan kesatuan umat Islam di negara ini.

Sesungguhnya, kenyataan Malaysia sebagai negara Islam bukanlah satu perkara pelik. Yang pasti, perkara itu sudah diketahui umum sama ada di kalangan rakyat tempatan, mahupun antarabangsa.

Lebih membanggakan, pengiktirafan itu disertai dengan Malaysia sebagai negara Islam contoh, membangun dan maju. Inilah hakikat yang patut diterima kebanyakan pihak yang masih berdegil menganggap negara ini negara sekular.

Mereka beranggapan sedemikian semata-mata bersandarkan kepada andaian wujudnya pemisahan politik dan agama dalam pentadbiran kerajaan, sekali gus menyamakannya dengan negara sekular lain seperti Turki.

Sesungguhnya pegangan sebegini bukan saja dikatakan dangkal, malah memperlihatkan keterbatasan maklumat dan hujah golongan berkenaan. Justeru, keraguan tidak seharusnya timbul apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

Asas kukuh bagi memperkatakan Malaysia negara Islam berdasarkan beberapa perkara seperti kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, kewujudan institusi Islam seperti institusi kehakiman, perbankan, pendidikan serta pelaksanaan dasar Islam dalam pentadbiran dan kerjasama erat dengan negara Islam lain.

Berpegang kepada asas ini, tidak hairanlah Malaysia memenuhi kriteria sebagai negara Islam sebenar.

Inilah antara isu dan topik hangat yang dibincangkan di kalangan peserta dan pembentang kertas kerja sepanjang seminar 'Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam' di Shah Alam, Selangor, baru-baru ini. Seminar itu anjuran Kerajaan Selangor dengan kerjasama Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Institut Perkembangan Minda (Inmind). Seminar dua hari itu berjaya mengubah persepsi segelintir pihak yang masih menganggap negara ini sebagai sekular.

Bagi parti pembangkang, kenyataan Dr Mahathir tentunya tidak disangka kerana pada mereka komitmen mewujudkan negara Islam hanya dalam kerangka pemikiran mereka saja.

Justeru, kenyataan Malaysia negara Islam sememangnya menjangkau pembentukan sebuah komuniti hubungan nasional (tran-nasional) yang diistilahkan sebagai ummah.

Ini kerana semestinya Perdana Menteri melihat pengisytiharan itu sebagai tanggungjawab politik untuk membentuk kesepaduan ummah tanpa mengira batas bangsa dan agama serta keturunan.

Malah, kita berasakan pengisytiharan itu memberi makna cukup besar pada peringkat antarabangsa, di mana Perdana Menteri mengharapkan agar umat Islam jangan dibiarkan terus menjadi umat kerdil, sebaliknya hendaklah menjadi umat maju dan mampu bersaing menghadapi cabaran globalisasi.

Seminar turut menyingkap sikap golongan 'khawarij' iaitu golongan yang mewujudkan kekacauan pada zaman pemerintahan khulafa ar-Rasyidin. Golongan berkenaan bukan saja menidakkan sebarang kenyataan yang dibuat golongan majoriti, malah bergerak meracuni rakyat dengan fahaman bertentangan dengan kehendak pemerintah.

Justeru, ada peserta seminar yang melabelkan 'khawarij' kepada golongan

yang menolak pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Mereka berpendapat, gelaran itu amat sesuai memandangkan kumpulan itu menyebarkan fahaman salah dan bercanggah dengan kehendak majoriti masyarakat.

Hakikatnya, persoalan sama ada sebuah negara yang diperintah oleh orang Islam atau tidak, selalunya datang daripada puak ini. Tujuan persoalan itu dibuat untuk menghalalkan percubaan mereka menggulingkan pemerintah dan merebut kuasa. Walau apa pun bukti yang ditunjuk sesebuah negara sebagai negara Islam, namun puak `khawarij' tetap akan menolak keIslaman negara dan cuba menjatuhkan kerajaan.

Justeru, bagi mengikis fahaman `khawarij' daripada terus membelenggu masyarakat, semestinya penerangan dan perbincangan mengenai kedudukan negara ini sebagai negara Islam dipertingkatkan.

Sesungguhnya langkah sedemikian bukan saja dapat mencegah kekeliruan dan memperbetulkan fahaman songsang segelintir pihak yang menafikan Malaysia negara Islam, malah akan menjamin perpaduan dalam masyarakat.

Dalam pada itu, kita juga berharap agar usaha bagi mengukuhkan beberapa institusi Islam di negara ini seperti institusi kehakiman, sistem kewangan, pendidikan dan pentadbiran Islam dipergiatkan.

Ini secara tidak langsung akan mengurangkan peluang pihak yang tidak berpuas hati dengan kedudukan negara ini sebagai negara Islam, kerana mereka sudah tidak mempunyai modal untuk mencari kelemahan dan keburukan dalam kerajaan.